

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

YB Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapa wujudnya perbezaan dalam bayaran wang persaraan (*pension*) di antara anggota angkatan tentera yang telah bertugas dalam pertempuran sebelum tahun 1957, selepas 1957 dan selepas 1963 berbanding dengan anggota angkatan tentera dalam tahun 70an, 80an, 90an sehingga kini yang tidak pernah terlibat dalam mana-mana pertempuran atau peperangan.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat perbezaan yang ketara antara amaun pencen yang diterima oleh veteran tentera sekarang berbanding dengan veteran tentera terdahulu. Perbezaan ini berlaku pada setiap pangkat yang sama kerana perbezaan gaji dahulu dan sekarang.

Di samping itu, kadar bayaran pencen kepada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dibuat berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Angkatan Tetap (Pencen, Ganjaran dan Faedah-Faedah Lain) 1982 (PPAT 82). Formula perkiraan telah menetapkan bahawa pencen dikira berdasarkan kepada gaji pangkat sebenar semasa perkhidmatan tamat serta tempoh perkhidmatan yang diakui. Amaun pencen maksimum sebanyak 60 peratus daripada gaji akhir boleh diberi kepada anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang diakui melebihi 25 tahun tiga (3) bulan atau bagi pegawai yang mempunyai tempoh perkhidmatan yang diakui sekurang-kurangnya 30 tahun.

Sekian. Terima kasih.